

10/10/1999

Keracunan arsenik pembohongan: PM

Jamhariah Jaafar; Zainuddin Isa; Azman Ahmad

KUALA LUMPUR: Dakwaan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang menuduh kerajaan meracuni suaminya dengan arsenik adalah satu pembohongan besar kerana racun arsenik tidak akan hilang dalam tempoh singkat, sebaliknya ia akan dapat dikesan selagi mangsa mempunyai kuku dan rambut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebagai seorang doktor beliau perlu memberi penjelasan mengenai racun arsenik dan kesannya ke atas tubuh manusia dan ia tidak ada kena mengena dengan menghina mahkamah bagi perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, kesan arsenik dalam air kencing boleh hilang dalam tempoh beberapa hari saja tetapi jika seseorang itu mengalami racun ini, kesannya tidak akan hilang sehingga kuku dan rambut mangsa habis.

Dr Mahathir berkata, sekiranya racun itu digunakan untuk tujuan membunuh tahap kehadirannya dalam tubuh manusia mesti melebihi 10,000 gram/liter.

"Tetapi yang ada dalam air kencingnya mengikut laporan makmal 230 mg dan makmal sendiri kata ia disebabkan makan kerang.

"Biasanya kalau orang yang tidak makan kerang tahap arseniknya pada 5 mg saja, tetapi sekiranya orang itu makan kerang ia boleh naik sampai 230 mg.

"Bagaimanapun, sekiranya naik sampai 230 mg, doktor kata tidak berbahaya. Kalau racun itu bertujuan untuk membunuh orang tahap kehadirannya mesti lebih kurang 10,000 mg.

"Dan sekiranya seseorang itu keracunan arsenik, racun itu dapat dikesan di dalam kuku dan rambut dan ia tidak boleh hilang sehinggalah kuku dan rambut itu habis. Kuku tak boleh sembunyi, kalau tak ada bermakna tak adalah," jelasnya pada pemberita mengenai dakwaan yang dibuat oleh Dr Wan Azizah apabila menuduh kerajaan meracun suaminya.

Beliau memberi penjelasan itu dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di ibu pejabat parti itu, di sini, semalam.

Selasa lalu, Mahkamah Tinggi menerima laporan perubatan Anwar daripada Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) yang mengesahkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak mengalami keracunan arsenik kronik.

Isu Anwar diracun itu digunakan oleh parti pembangkang untuk mencetus kemarahan rakyat terhadap kerajaan, apabila menuduh kerajaan meracun Anwar.

Berikutan pembohongan itu, satu lagi rusuhan tercetus di ibu kota baru-baru ini yang menyaksikan beberapa pemimpin parti alternatif yang terbabit secara suka rela menyerah diri kepada polis.

Mengulas lanjut Dr Mahathir, dalam mendapat keputusan sama ada seseorang itu keracunan arsenik atau sebaliknya, doktor sebenarnya hanya memerlukan paling lama tiga hari saja.

"Kadangkala dalam sehari pun boleh mendapat keputusan," tegasnya.

Dalam kes Anwar, bekas Timbalan Perdana Menteri itu dimasukkan ke HUKM pada 10 September lalu tetapi mahkamah hanya menerima keputusan pada 4 Oktober lalu.

(END)